



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 11 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	372 NELAYAN TERIMA 'NYAWA' MUSIM TENGGUJUH, SG4: TERENGGANU, HAKAKAH, M/S – 14	LAIN-LAIN
2.	NELAYAN BOLEH TANGKAP IKAN DI PULAU BESAR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 29	
3.	PETANI HARUMANIS, PESAWAH TERJEJAS BANJIR SEGERA DIBANTU, PERLIS, HAKAKAH, M/S – 16	
4.	HARGA CILI THAI, TOMATO NAIK MENDADAK SEBAB MUSIM BAH, NEGARA, KOSMO, M/S – 16	
5.	KOLAM TERBIAR JADI SARANG HAIWAN, ANCAM PENDUDUK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 27	
6.	KERUGIAN BANJIR PERLIS LEBIH RM200J, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
7.	HOME GARDENING 'A VIABLE OPTION', NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	KUANTAN	MUKA SURAT
11/12/2025	HARAKAH	SG4: TERENGGANU	14

372 nelayan terima 'nyawa' musim tengkujuh

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA TERENGGANU: Se-ramai 372 nelayan DUN Seberang Takir menerima bantuan barangan keperluan asas dalam Program Bantuan Khas Nelayan Musim Tengkujuh yang dianjurkan oleh TDM Berhad bersama Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Takir di Dewan Sivik Seberang Takir, Kuala Nerus baru-baru ini.

Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Mohd Nor Hamzah menzahirkan rasa penghargaan atas keprihatinan semua pihak dalam membantu golongan nelayan.

"Nelayan adalah tulang belakang kepada bekalan makanan laut negara. Setiap tahun, musim tengkujuh memberi cabaran besar kepada mereka untuk meneruskan sumber pendapatan.

"Justeru, bantuan ini bukan sahaja meringankan beban, tetapi juga tanda sokongan kita terhadap pengorbanan dan jasa mereka kepada masyarakat," kata-



Mohd Nor menyampaikan bantuan beras kepada nelayan di DUN Seberang Takir, sambil disaksikan oleh Khazan (belakan, tengah) dan Azrol (belakang, dua dari kanan).

nya ketika merasmikan acara berkenaan.

Majlis turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Takir, Khazan Che Mat, Ketua Audit Dalaman TDM, Azrol Hadi Rosalan, serta pengurusan TDM lain.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TDM, Najman Ka-

maruddin berkata, pihaknya komited dalam menyokong pembangunan komuniti serta memastikan golongan nelayan tidak tercicir.

"Sebagai sebahagian daripada ekosistem pembangunan sosial negeri Terengganu, TDM komited untuk terus memainkan peranan aktif membantu komuniti yang memer-

lukan.

"Program seperti ini ialah manifestasi tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami dalam memastikan kesejahteraan masyarakat, terutama golongan nelayan yang terkesan sepanjang musim tengkujuh," katanya.

Pelaksanaan Program Bantuan Khas kepada Nela-

yan Musim Tengkujuh ini turut memperkukuh komitmen terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs) melalui pendekatan menyeluruh yang menyasar aspek kesejahteraan sosial, ekonomi dan komuniti.

Secara khususnya, program ini juga menyokong SDG 10: 'Reduced Inequalities', dengan memberi fokus kepada kumpulan masyarakat yang paling terkesan terhadap perubahan cuaca khususnya para nelayan yang berdepan penurunan pendapatan ketara sepanjang musim tengkujuh.

Menurut Najman, bantuan yang disalurkan secara inklusif ini membantu mengurangkan jurang sosial dan memastikan sokongan sampai kepada setiap lapisan komuniti.

"Program ini menjadi simbol keprihatinan dan solidariti antara kerajaan negeri, agensi berkaitan serta sektor korporat dalam memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan para nelayan terus terpelihara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	29

Nelayan boleh tangkap ikan di Pulau Besar

Ayer Keroh: Perairan Pulau Besar akan boleh diakses untuk aktiviti penangkapan ikan susulan keputusan kerajaan negeri untuk nyah warta kawasan berkenaan sebagai taman laut.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata ketika ini Pulau Besar dan satu nautika dari pulau berkenaan diwarta sebagai kawasan larangan perikanan sejak 1994.

"Kita akan mengutuskan surat kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Datuk Seri Mohamad Sabu) untuk nyah warta kawasan larangan perikanan di Pulau Besar," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Kompleks Seri Negeri, di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Mohd Aleef Yusof (PN-Sungai Udang) mengenai kaedah dan usaha kerajaan negeri membantu nelayan di Umbai yang merosot pendapatan kerana larangan penangkapan ikan selepas pewartaan gugusan pulau

sebagai taman laut.

Dr Muhamad Akmal berkata, langkah nyah warta itu juga diambil selepas kerajaan negeri mewartakan tiga pulau berdekatan Pulau Besar, iaitu Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka sebagai Taman Laut Melaka pada 2023.

"Dahulu bila warta (Pulau Besar) sebagai taman laut, mereka (nelayan) tak boleh masuk memancing (dan menangkap ikan) dan dengan pertambahan tiga lagi pulau yang diwartakan sebagai taman laut, kawasan penangkapan ikan menjadi se-

makin kecil.

"Selepas nyah warta ini, maknanya nelayan boleh kembali menangkap ikan di Pulau Besar dan saya harap ia mendapat persetujuan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)," katanya.

Dalam pada itu, Dr Muhamad Akmal berkata, status Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol sebagai Taman Laut Melaka dan kawasan larangan perikanan dikekalkan berikutan lokasi berkenaan memiliki antara terumbu karang tercantik dan bernilai tinggi di dunia.

“Kita akan mengutuskan surat kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Datuk Seri Mohamad Sabu) untuk nyah warta kawasan larangan perikanan di Pulau Besar”

Muhamad Akmal Saleh,
Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa,
Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka



Beliau berkata, pewartaan Taman Laut Melaka masih penting dalam memelihara dan memulihara ekosistem laut, selain menjamin sumber perikanan negeri pada masa akan datang.

"Pewartaan kawasan perairan Taman Laut Melaka dan Kawasan Larangan Menangkap Ikan di Pulau Besar yang juga Kawasan Perlindungan Marin (MPA) adalah sebagai komitmen kerajaan dalam memenuhi obligasi antarabangsa dalam memastikan sumber marin sentiasa mampan.

"Pengurusan dan pemuliharaan sumber biodiversiti memerlukan satu pendekatan bersepadu yang berlandaskan falsafah pembangunan mampan bagi memelihara persekitaran dan sumbernya.

"Perancangan yang dirancang perlu dilakukan dengan teliti dan pengurusannya mesti dibuat secara bersistematik bagi memelihara MPA daripada pencemaran dan kehilangan biodiversiti serta melindungi sumber marin untuk manfaat generasi akan datang," katanya.

Petani harumanis, pesawah terjejas banjir segera dibantu

KANGAR: Banjir yang melanda Perlis dari 24 November hingga 2 Disember 2025 meninggalkan kesan besar terhadap sektor pertanian negeri dengan tanaman harumanis dan padi mengalami kemusnahan paling ketara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Kepenggunaan, Razali Saad, berkata laporan awal menunjukkan 78.03 hektar tanaman harumanis milik 59 petani terjejas, membabitkan kerugian dianggarkan RM1,170,450.

Bagaimanapun, banciaan penuh masih diteruskan oleh Pejabat Pertanian Daerah kerana terdapat kawasan yang belum melaporkan kerosakan akibat air masih belum surut sepenuhnya.

Menurut Razali, kawasan Padang Siding dikenal pasti paling teruk terjejas, diikuti Bintong, namun status keseluruhan kawasan masih menunggu pengesahan.

Situasi lebih membimbangkan apabila sektor padi mencatat angka kerugian yang jauh lebih besar, mencecah 9,286 pesawah terkesan melibatkan 14,785.56 hektar, dengan kerugian mencecah RM41,044,714.56.



Razali Saad

Bagi meringankan beban besar ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian, MADA dan LPP telah mengaktifkan pelbagai skim bantuan, termasuk Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP), Skim Takaful Tanaman Padi (STTP), dan Tabung Bencana Pertanian (TBP).

Sehubungan itu, permohonan boleh dibuat melalui Pejabat Pertanian Daerah atau PPK. Jabatan Pertanian turut mengerahkan pegawai APT (Agen Pengembangan Tanaman) untuk turun ke lapangan bagi membantu petani dengan pemantauan,

penilaian dan penyediaan laporan tuntutan bencana.

Bagi tuntutan TBTP dan STTP, pengiraan dibuat berdasarkan umur tanaman (Hari Lepas Tanam) mengikut Garis Panduan Tabung Bencana. Sementara itu, tuntutan TBP dibuat mengikut kategori tanaman, dengan had maksimum 6.5 hektar atau 10,000 polibeg bagi pengusaha fertigasi.

Razali menegaskan bahawa pengusaha agropelancongan, IMAT serta pemasar agromakanan juga layak menerima bantuan.

Kesemua kerugian akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal, dengan bantuan disalurkan tidak melebihi 50 peratus daripada penilaian kerosakan, dibayar secara one-off dan mengikut garis panduan ketat.

Razali, yang juga ADUN Simpang Empat, menegaskan bahawa komitmen kerajaan negeri dan agensi persekutuan adalah jelas: memastikan petani dan pesawah Perlis tidak dibiarkan menghadapi krisis ini bersendirian; terutama selepas bencana turut merosakkan infrastruktur luar bandar, sistem saliran dan akses ke kawasan pertanian.

Harga cili Thai, tomato naik mendadak sebab musim bah

Oleh AMRAN ALI

MELAKA – Harga sayur-sayuran di Pasar Besar Melaka didapati naik mendadak sejak lebih dua minggu lalu, dipercayai berpunca daripada cuaca buruk dan banjir akibat Monsun Timur Laut yang menjejaskan kawasan pengeluaran hasil.

Buah tomato dan cili akar Thailand didapati naik dua kali ganda berbanding harga sebelumnya.

Seorang peniaga sayur, Roslan Hassan, 58, yang sudah 35 tahun berniaga sejak pasar lama di Kampung Jawa berkata, kenaikan paling ketara ketika ini memabitkan cili akar dari Thailand pelbagai jenis daripada RM7 kepada RM15 sekilogram, manakala sayur tempatan masih berada pada paras terkawal.

“Sayur tempatan masih terkawal harganya, cuma yang naik sedikit adalah sayur dari Cameron Highlands seperti tomato dan timun Jepun, tetapi yang paling ketara sekarang ialah cili akar dari Thailand,” katanya kepada Kosmo! semalam.

Tinjauan mendapati harga tomato dari pembekal kini mencecah RM4.70 sekilogram berbanding hanya RM2.80 sebelum ini sehingga membuatkan peniaga tidak berani mengambil stok dalam jumlah banyak kerana bimbang ia rosak jika disimpan lama.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Kalsom Kasim, 65, yang



ROSLAN menunjukkan cili akar yang diimport dari Thailand naik harga mendadak sejak sebulan lalu ketika ditemui Pasar Besar Melaka semalam.

sudah lebih 20 tahun berniaga berkata, kenaikan harga kali ini adalah antara yang tertinggi pernah direkodkan.

“Kenaikan harga sejak lebih dua minggu lalu bukan berpunca daripada pemborong, sebaliknya akibat cuaca buruk dan banjir, malah situasi ini berlaku di seluruh negara.

“Sekarang harga cili akar dari

pemborong antara RM20 sekilogram berbanding RM7 sebelum ini, pelanggan ramai yang tidak puas hati dan mahu harga lama, tetapi kami juga terpaksa jual ikut kos semasa,” katanya lagi.

Jelasnya, bekalan cili akar kini dibawa masuk dari Thailand dan Bangladesh, manakala cili merah dari Vietnam, sementara tomato serta timun Jepun dari Cameron.

Kolam terbiar jadi sarang haiwan,ancam penduduk

BAGAN SERAI: Puluhan kolam ikan terbiar sejak tujuh tahun lalu kini berubah menjadi 'hutan mini' hingga mengancam keselamatan penduduk kampung Parit Haji Kassim 1 dan Parit Haji Kassim 2.

Penduduk, Mat Radzi Ali, 71, berkata, kawasan itu menjadi sarang haiwan liar seperti babi dan reptilia berbisa seperti ular tedung menyebabkan penduduk dalam ketakutan apabila haiwan berkenaan kerap memasuki kawasan kediaman penduduk.

"Kolam ditinggalkan tanpa penyelenggaraan sejak 2018. Kolam yang dulunya digunakan untuk ternakan kini berubah menjadi kawasan liar yang tidak terkawal tanpa diselenggarakan oleh pemiliknya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Memburukkan keadaan apabila, pokok-pokok dari kawasan kolam terbiar tumbang dan con-

dong hingga memasuki kawasan rumah penduduk.

Kedua-dua itu menyebabkan dia terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk mengupah pekerja membersihkan bahagian sempadan rumahnya.

"Tahun ini sahaja kami sudah lima enam kali memanggil APM (Angkatan Pertahanan Awam) kerana di rumah penduduk dimasukkan ular sawa.

"Penduduk pernah suarakan pada pihak yang berkenaan lebih setahun yang lalu supaya mengambil tindakan kepada pemilik kolam ini namun hingga kini tiada apa-apa perkembangan mengenainya.

"Penduduk sentiasa berada dalam kekusaran dan terancam disebabkan kawasan yang tidak diselenggarakan pemiliknya," katanya.

Penduduk merayu Pejabat Daerah dan Tanah Kerian mengesan pemilik lot tanah

kolam itu dan mengarahkan pemiliknya supaya menyelenggara kawasan terbabit.

"Selain menjadi pembiakan habitat haiwan liar, bangunan yang ditinggalkan juga menjadi sarang penagih dadah dan kita juga berharap agar pihak yang berkenaan dapat melakukan pencegahan dan penangkapan mereka," katanya.

Projek ternakan ikan dibangunkan pada 2012, pada awalnya mendapat bantuan penduduk kerana kedudukannya yang tidak sesuai, terletak di kawasan bendang serta berhempiran penempatan penduduk.

"Namun bantuan tidak memberi kesan apabila pengusaha projek berkenaan menunjukkan dokumen kelulusan daripada beberapa agensi kerajaan.

Projek berkenaan gagal selepas tujuh hingga lapan tahun beroperasi sebelum ditinggalkan sepenuhnya pada 2018.



MAT RADZI ALI menunjukkan bekas kolam ikan yang kini menjadi sarang haiwan liar dan reptilia berbisa yang membahayakan penduduk sekitarnya di Alor Pongsu, Bagan Serai. -UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

9,000 mangsa dipindahkan, sektor pertanian dan infrastruktur alami kerosakan

Kerugian banjir Perlis lebih RM200j

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

KANGAR: Banjir melanda Perlis baru-baru ini yang disifatkan terburuk dalam tempoh 15 tahun meninggalkan kesan kemusnahan dahsyat dengan kerugian dianggarkan melebihi RM200 juta.

Dalam tempoh tiga hari bermula 23 hingga 25 November lalu menyaksikan Perlis dalam keadaan kritikal dengan hampir keseluruhan negeri ditenggelami air sehingga 9,000 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) manakala 14,785.56 hektar sawah tenggelam dan lokasi pelancongan, sekolah, hospital dan pejabat kerajaan menghadapi kerosakan serius.

Meskipun tidak seteruq banjir 2010, banjir Perlis 2025 akan diingati sebagai terburuk dalam sejarah negeri ini. Pada 2010, lebih 63,000 penduduk terkesan dengan hampir 47,000 hektar atau separuh negeri ditenggelami air dan kerugian dianggarkan mencecah RM200 juta.



BANJIR besar melanda Perlis menyaksikan 11 lokasi di sepanjang laluan utama yang menghubungkan Wang Kelian ke Wang Prachan. Thailand mengalami tanah runtuh.

Bagaimanapun, selepas pembinaan projek Lencongan Banjir Barat (LBB) Timah Tasoh bermula 2012 dan siap sepenuhnya pada 2020, Perlis berjaya menge-

lak dari banjir lebih dahsyat. Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Rahimi Ismail berkata, kerugian banjir pada kali ini dijangka lebih besar daripada

2010 dengan dianggarkan sekitar RM230 juta atau tinggi yang meliputi kerosakan infrastruktur seperti bangunan kerajaan, jalan raya, sektor pertanian,

pelancongan dan kemusnahan harta benda.

Namun katanya, agensi-agensi berkaitan masih terus mengumpul maklumat mengenai jumlah kerugian sebenar akibat banjir berkenaan.

"Daripada segi kerosakan infrastruktur seperti bangunan kerajaan dan agensi sudah mencecah antara RM17 juta sehingga 20 juta," katanya.

Rahimi berkata, pada masa ini, Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) sudah dihentikan selepas banjir di Perlis sudah kembali pulih, manakala usaha pemulihan dan bantuan masih berterusan dengan dikordinasi agensi tertentu.

"Pengurusan banjir oleh kerajaan negeri termasuk kebersihan PKOB sepanjang bencana itu berjalan cukup lancar tanpa sebarang isu atau masalah berbangkit," katanya.

Katanya, banjir tersebut antaranya menyaksikan sektor pertanian mengalami kerugian lebih RM42 juta merangkumi kemusnahan sawah padi dan ladang harumanis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2025	NEW STRAITS TIMES	NEWS	10

FOOD SECURITY

HOME GARDENING 'A VIABLE OPTION'

It's cost-effective and requires minimal space, says consumer group

AUDREY DERMAWAN, JADEN LIM
AND HAKIM MAHARI
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

THE Consumers Association of Penang (CAP) has urged people to start home gardens, growing vegetables and herbal plants to ease the impact of rising food prices.

CAP education officer Subbarow Narayanan said the prices of greens have spiked in recent days, and the situation is expected to persist for several months.

"One example is papaya, now selling at RM7 per kilogramme, a rise from RM4 per kilogramme two weeks ago.

"CAP believes that 2026 will be more challenging to consumers in terms of food prices.

"As such, stabilising vegetable prices is critical to meeting food security needs," he told the *New Straits Times*.

Subbarow said home gardening is cost-effective, required minimal space and could reduce dependence on market prices.

He said Malaysians should share their harvests to ease each other's burden as prices rise.

It was reported that prices of vegetables had increased by threefold as the northeast monsoon disrupted harvests in Cameron Highlands.

Continuous rain over the past two weeks had damaged leafy crops and slowed regrowth in highland farms.

Meanwhile, a food policy expert commented on a suggestion that the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) be strengthened, saying this was crucial but not enough to address food price spikes.

Universiti Putra Malaysia Institute of Agricultural and Food Policy Studies research fellow Professor Datin Fatimah Mohamed Arshad said deeper structural weaknesses in the food supply chain continued to worsen during the northeast monsoon.



Professor Datin Fatimah Mohamed Arshad

She said Fama could help stabilise supply, but the agency faced operational limitations that prevented it from responding effectively to real-time disruptions, particularly in the fisheries sector.

"Vegetables don't last long in storage and spoil easily, so supply must move fast. Fama can play a role in smoothing out supply, but there are still challenges.

"The same applies to the fisheries sector. It doesn't operate at the same hours as fishermen,



Subbarow Narayanan

who start work at 3am. These kinds of challenges create a mismatch that needs further attention."

Fatimah said in addressing these matters, data used for policy decisions must be neutral and not "biased by the sources selling it".

Fatimah said the monsoon season had once again exposed Malaysia's food security vulnerabilities, with vegetable and fish production showing high sensitivity to severe weather and outdated production systems.

"Farmers can no longer predict the weather. Everything has become unpredictable, and it is frightening for them," she said.

Fatimah said prolonged rainfall continued to damage crops, reduce yields and disrupt harvesting, while rough seas cut fish landings and tighten supply.

Both sectors, she said, remained fragile and dependent on traditional methods, making it essential for producers to embrace technology.